

## MEDIA CLIPPING

Media: Berita Harian Online

Date: 6 May 2016

Unique Audience: 112,289

Page 1 of 2

**BeritaHarian.sg**

Setempat Dunia Ekoniaga Sukan Berita Terkini Gah! Hidayah Soshiok Halal!

2<sup>nd</sup> - 15<sup>th</sup> May 2016 MELAKA PLAZA Empowering Melaka


## Jejak warisan teroka sejarah Bedok dilancar

May 06, 2016 | 05:30 AM

f 0 t e Kongsi

SATU jejak warisan baru yang mengisahkan sejarah bandar di pantai Singapura di kawasan timur dibuka semalam.

Jejak warisan yang dinamakan Bedok Heritage Trail itu mempunyai 10 tapak penanda dan ia meneroka sejarah Bedok sebagai bandar di kawasan pantai, menghadap lautan pada zaman dahulu.



Orang ramai boleh meninjau tapak bersejarah seperti Chai Chee, Frankel Estate, Opera Estate, Kampung Bedok dan Siglap.

Jejak warisan yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Warisan Negara (NHB) itu ialah sebahagian daripada rancangan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) dalam program Penyusunan Semula Estet Perumahan atau 'Remaking Our Heartland' di kawasan East Coast.

Ini merupakan jejak warisan ke-15 yang dilaksanakan NHB.

Satu aplikasi baru, 'Singapore Heritage Trails' atau Jejak Warisan Singapura, juga dilancarkan semalam.

Lebih daripada 80 jejak warisan kini boleh didapati di aplikasi tersebut yang telah dihasilkan dengan kerjasama penyelidik daripada Universiti Keio di Jepun dan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Pengguna boleh meneroka jejak warisan menggunakan aplikasi tersebut dan melihat gambar, meletakkan penanda di pelbagai lokasi dan mengongsi atau 'share' kandungan itu di Facebook.

Lawatan berpandu dengan bas bagi jejak warisan itu akan disediakan pada hujung minggu ini dengan bayaran \$5 seorang.

Orang ramai boleh mendaftar di laman [www.heritagefest.sg](http://www.heritagefest.sg).

<http://www.beritaharian.sg/setempat/jejak-warisan-teroka-sejarah-bedok-dilancar>

### Jejak warisan teroka sejarah Bedok dilancar

SATU jejak warisan baru yang mengisahkan sejarah bandar di pantai Singapura di kawasan timur dibuka semalam.

# T A T E A N Z U R

Jejak warisan yang dinamakan Bedok Heritage Trail itu mempunyai 10 tapak penanda dan ia meneroka sejarah Bedok sebagai bandar di kawasan pantai, menghadap lautan pada zaman dahulu.

Orang ramai boleh meninjau tapak bersejarah seperti Chai Chee, Frankel Estate, Opera Estate, Kampung Bedok dan Siglap.

Jejak warisan yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Warisan Negara (NHB) itu ialah sebahagian daripada rancangan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) dalam program Penyusunan Semula Estet Perumahan atau 'Remaking Our Heartland' di kawasan East Coast.

Ini merupakan jejak warisan ke-15 yang dilaksanakan NHB.

Satu aplikasi baru, 'Singapore Heritage Trails' atau Jejak Warisan Singapura, juga dilancarkan semalam.

Lebih daripada 80 jejak warisan kini boleh didapati di aplikasi tersebut yang telah dihasilkan dengan kerjasama penyelidik daripada Universiti Keio di Jepun dan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Pengguna boleh meneroka jejak warisan menggunakan aplikasi tersebut dan melihat gambar, meletakkan penanda di pelbagai lokasi dan mengongsi atau 'share' kandungan itu di Facebook.

Lawatan berpandu dengan bas bagi jejak warisan itu akan disediakan pada hujung minggu ini dengan bayaran \$5 seorang.

Orang ramai boleh mendaftar di laman [www.heritagefest.sg](http://www.heritagefest.sg).

## **Summary**

### **Bedok Heritage Trail Launched**

A new heritage trail that tells the history of the city on the east coast of Singapore was launched by the National Heritage Board (NHB), and will feature 10 different sites which tell the history of Bedok. Sites include Chai Chee, Frankel Estate, Opera Estate and Siglap.

The 15<sup>th</sup> heritage trail is also part of the Housing and Development Board's (HDB) Housing Estate Restructuring Programme on the East Coast.

A new application, Singapore Heritage Trails, was also launched, making more than 80 heritage trails available to the public. Produced in collaboration with researchers from Keio University in Japan and the National University of Singapore, users can explore trails from the app, upload images and even share them all on Facebook.

Guided bus tours of the trail will also be available this weekend for \$5.